

MERANTAU : POLA MIGRASI IMIGRAN INDONESIA
KETURUNAN MINANGKABAU KE MALAYSIA

MIR AZRI BIN SHAHARUDIN

JABATAN PERSURATAN MELAYU
FAKULTI SAINS KEMASYARAKATAN DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

BANGI
1996

MERANTAU: POLA MIGRASI IMIGRAN INDONESIA KETURUNAN
MINANGKABAU KE MALAYSIA

MIR AZRI BIN SHAHARUDIN

LATIHAN ILMIAH INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA MUDA DENGAN KEPUJIAN

JABATAN PERSURATAN MELAYU
FAKULTI SAINS KEMASYARAKATAN DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI

1996

PENGAKUAN

Saya akui ini adalah hasil kerja saya sendiri
kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap
satunya telah saya jelaskan sumbernya.

24.5.96
TARIKH


MIR AZRI SHAHARUDIN

PENGHARGAAN

Segala puji bagi Allah tuhan semesta alam. Selamat dan selawat ke atas junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w, keluarga serta para sahabat baginda. Alhamdulillah bersyukur saya ke hadrat ilahi kerana atas kehendak dan keizinanNya dapat saya menyempurnakan latihan ilmiah ini dengan sewajarnya.

Menerusi ruangan yang terbatas ini, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada En.Lokman Zen, yang banyak memberi nasihat dan tunjuk ajar yang tidak ternilai dalam membantu menyiapkan latihan ilmiah ini.

Kesempatan ini juga saya mengucapkan jutaan terima kasih khususnya kepada responden-responden yang telah memberikan pandangan, maklumat dan bahan-bahan kajian untuk menjayakan penyelenggaraan latihan ilmiah ini.

Akhirnya penghargaan ditujukan kepada rakan-rakan seperjuangan As, Manaf, Gee, Waha dan semua rakan-rakan sesi 1992-1996. Jasa baik dan suka duka yang kita alami akan tetap dalam kenangan. Semoga Allah s.w.t membalas jasa dan pengorbanan yang telah kalian curahkan.

Wasalam.

Mir Azri b. Shaharudin,
Jabatan Persuratan Melayu,
Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan,
UKM,
Bangi,
Selangor Darul Ehsan.

ABSTRAK

Merantau merupakan salah satu daripada tradisi masyarakat Minangkabau di Sumatera. Malah, ianya dianggap sebagai suatu budaya yang perlu diamalkan dalam masyarakat Minangkabau. Sebagai suatu budaya yang terus-menerus diamalkan, ianya telah jauh berakar umbi dalam masyarakat Minangkabau. Sudah berabad-abad lamanya masyarakat Minangkabau melakukan kegiatan merantau sehinggalah abad yang ke 20 ini, khususnya ke Malaysia. Justeru itu, untuk mendapatkan maklumat yang mendalam mengenai kegiatan merantau ini, kajian telah dibuat dengan melihat aspek-aspek penting, antaranya latar belakang masyarakat Minangkabau di Sumatera, sejarah awalnya merantau ke Malaysia, sebab-sebab merantau dan kehidupan para-perantau di Malaysia. Akhir sekali pengkaji akan membuat rumusan terhadap kegiatan merantau di kalangan masyarakat Minangkabau. Pengkaji telah mendapatkan cerita-cerita lisan daripada beberapa orang informan bagi mendapatkan gambaran mengenai pengalaman mereka semasa merantau ke Malaysia. Secara keseluruhannya, berdasarkan sumber-sumber dan cerita-cerita lisan, menunjukkan bahawa merantau di kalangan masyarakat Minangkabau tetap terus berlaku pada akhir abad ke 20 ini. Merantau adalah suatu fenomena sosial yang tidak dapat dipisahkan dengan masyarakat Minangkabau. Malah, merantau merupakan jalan terbaik bagi mencapai kemajuan diri bagi individu yang berketurunan Minangkabau.

Isi Kandungan

	Halaman
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ISI KANDUNGAN	v
SENARAI PETA	viii
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI SINGKATAN	ix
Pengenalan	x

BAB 1 LATAR BELAKANG MASYARAKAT MINANGKABAU

1.1 Asal Usul Minangkabau	1
1.2 Kedudukan negeri Minangkabau	2
1.3 Struktur Sosial di Minangkabau	7
1.3.1 Aspek Pemerintahan	7
1.3.2 Suku dan keluarga dalam masyarakat Minangkabau	9
1.3.3 Mamak dan kemenakan	13
1.3.4 Alim Ulama	19
1.3.5 Kegiatan ekonomi masyarakat Minangkabau	22
1.4 Kesimpulan	24

BAB 2 SEJARAH KEDATANGAN ORANG-ORANG MINANGKABAU KE MALAYSIA

2.1 Sejarah Merantau Orang-Orang Minangkabau	25
2.2 Perkembangan Melaka Sebagai Pusat Perdagangan	26

2.3 Kedatangan Raja Melewar ke Negeri Sembilan	30
2.4 Perkembangan Kekuasaan di Luar Daerah Asal	32
2.5 Kedatangan Orang-Orang Minangkabau Pada Abad ke 19 dan 20	35
2.6 Kesimpulan	44

BAB 3 SEBAB-SEBAB ORANG-ORANG MINANGKABAU MERANTAU

3.1 Pendahuluan	45
3.2 Faktor Kedudukan Sumatera Barat yang Jauh Dari Laluan Perdagangan	46
3.3 Faktor Ekonomi	48
3.4 Faktor Sosial	52
3.5 Faktor Politik	57
3.6 Tarikan hidup di Tanah Melayu	62
3.7 Kesimpulan	65

BAB 4 KEHIDUPAN ORANG-ORANG MINANGKABAU DI MALAYSIA

4.1 Pengenalan	66
4.2 Bila Merantau ke Malaysia	67
4.3 Jenis Pekerjaan	69
4.4 Proses Penyesuaian di Malaysia	73
4.5 Status Perkahwinan Para-Perantau	76
4.6 Hubungan dengan Kampung	79
4.7 Kesimpulan	83

BAB 5 KESIMPULAN

84

RUJUKAN

GLOSARI

SENARAI RESPONDEN

SENARAI PETA

1. Peta Sumatera Barat	4
2. Peta Minangkabau dan Rantau	5

SENARAI JADUAL

1. Penyebaran Orang Sumatera di Malaya 1931-1947	39
2. Imigran Indonesia Yang Tiba Pertama Kali di Malaya	40
3. Jumlah Orang Indonesia Mengikut Etnis di Malaya 1911-1947	41

SENARAI SINGKATAN

JMBRAS Journal of Malaya Branch Royal Asiatic Society

SSF Selangor State Files.

PENGENALAN

(i). Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk melihat fenomena merantau yang wujud di kalangan masyarakat Minangkabau ke Malaysia. Merantau adalah suatu ciri yang penting dalam masyarakat Minangkabau. Namun begitu belum ada kajian yang menyeluruh tentang aspek kehidupan masyarakat Minangkabau terutamanya tentang aspek merantau. Justeru itu, perlunya satu kajian yang mendalam tentang merantau bagi mencari sebab akibat berlakunya kegiatan merantau di kalangan orang-orang minangkabau khususnya di Malaysia.

Memang diakui bahawa migrasi penduduk keturunan Indonesia ke Malaysia tetap terus berlaku sehingga sekarang. Gerakan perpindahan penduduk keturunan Indonesia tetap terus berlaku semenjak turun temurun lagi. Orang Minangkabau termasuk di dalam kelompok yang banyak bergerak terutama sekali ke Malaysia.

Keadaan ini menimbulkan persoalan mengenai kegiatan merantau yang sudah jauh berakar umbi dalam masyarakat Minangkabau. Justeru itu, pengertian dan memahami mengenai tradisi merantau amatlah perlu bagi mencari jawapan mengenai kegiatan tersebut.

Apatah lagi dengan tradisi merantau itu yang di anggap sangat istimewa dalam masyarakat Minangkabau. Sesungguhnya, kajian mengenai merantau ini akan cuba mengenali tradisi merantau itu dengan lebih mendalam lagi.

(ii). Kepentingan Kajian.

Kepentingan kajian ini terletak kepada hakikat bahawa selama ini, sepanjang pengetahuan penulis, merantau khususnya ke Malaysia, tidak mendapat perhatian yang secukupnya daripada para-pengkaji. Seminar tentang sejarah dan kebudayaan Minangkabau yang dilaksanakan di Batu Sangkar (bekas pusat kerajaan Pagarruyung) di tahun 1970, menyimpulkan bahawa pengkajian yang mendalam tentang merantau yang sifatnya lebih sistematik perlunya diadakan bagi mencari sebab akibat dari gejala ini.¹

Adalah dipercayai bahawa kajian serupa ini akan menimbulkan semula perhatian dan kesedaran tentang tradisi merantau yang merupakan budaya yang cukup terkenal di kalangan masyarakat Minangkabau.

Seterusnya, kajian ini akan dapat mengenali budaya merantau yang telah wujud sejak turun-temurun sehingga diwarisi oleh masyarakat Minangkabau sehingga ke hari ini. Adalah menjadi harapan, bahawa tafsiran terhadap merantau di kalangan masyarakat Minangkabau akan membolehkan kita mengenali lebih dekat lagi akan istilah merantau itu sendiri.

¹ Lihat kumpulan Hasil-Hasil Seminar, Himpunan Prasaran dan Kertas Kerja Seminar Sejarah dan Kebudayaan, Jilid 5, disusun oleh Panitia Seminar Sejarah dan Kebudayaan Minangkabau, Padang, 1970.

(iii) Metodologi Kajian.

Pengkaji akan mengeksplikasikan melalui kajian perpustakaan, temubual dan juga pemerhatian ikut serta. Sebagai langkah awal, pengkaji akan mendapatkan sumber dan bahan bertulis yang terdapat di Perpustakaan. Segala maklumat bertulis yang berkaitan dengan kajian cukup penting sebelum turun ke lapangan. Antaranya ialah dari segi definasi, skop kajian, sebab-sebab merantau dan kaedah penyelidikan.

Kaedah temubual dan wawancara turut digunakan bagi tujuan memperolehi maklumat terperinci ini daripada sumber utama. Pengkaji akan menemui beberapa orang perantau dari Sumatera yang telah menetap di Malaysia. Lantaran itu, kajian ini menggunakan sumber lisan sebagai bahan kajian. Walaupun fakta yang diperolehi nanti berbentuk tulisan, namun pengkaji berpendapat sumber ini masih penting. Prof. Khoo Kay Kim mengatakan ;

...beberapa aspek sejarah kita yang tidak didokumenkan.
Maka sewajarnya, kita perlu bergantung kepada bahan-bahan lisan².

Kewajaran untuk menggunakan bahan lisan kemungkinan boleh dipersoalkan.³

Namun begitu, untuk memperolehi bahan-bahan penting yang tidak terdapat dalam mana-mana rekod atau kajian lepas, bahan lisan adalah jalan keluar bagi menjayakan kajian ini.

² Khoo Kay Kim, Sejarah Tempatan, Penyelidikan, Bil 1, Oktober 1972, hlm., 104.

³ Untuk melihat kelemahan penggunaan bahan lisan sila rujuk Mohd Amin Hasan, Tradisi Lisan, Sejarah Lisan : Dalam usaha Mengkaji Sejarah Lisan Tanahair Kita, Mohd Taib Osman, (Peny), Tradisi Lisan di Malaysia, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, 1975, hlm., 167-168.

Manakala bahan-bahan sejarah pula ialah satu cara untuk menambahkan bahan-bahan selain dari rekod-rekod bertulis.

Maklumat yang diperolehi dari responden-responden adalah penting kerana mereka merupakan golongan yang benar-benar terlibat dalam aktiviti merantau. Maklumat yang diperolehi adalah hasil pengalaman serta penglibatan mereka semasa mereka merantau ke Malaysia.

(iv) Masalah Kajian.

Dalam usaha menyelenggarakan latihan ilmiah ini, pengkaji menghadapi pelbagai masalah. Masalah yang terbesar ialah kekurangan bahan-bahan atau yang dapat dijadikan bahan kajian. Kajian mengenai merantau terutamanya di kalangan masyarakat Minangkabau adalah terlalu kurang. Ketiadaan kajian-kajian yang terdahulu khususnya dalam bidang ini, sedikit sebanyak mendatangkan kesan yang negatif kepada kajian yang diusahakan oleh pengkaji.

Sebagai jalan keluar, penulis menggunakan teknik wawancara atau temubual beberapa orang perantau keturunan Minangkabau yang telah mengalami dan mengharungi proses merantau ke Malaysia. Kebanyakan daripada mereka berumur dua puluhan hingga enampuluhan. Namun begitu, ada di antara para-perantau yang berketurunan Minangkabau tidak dapat mengingat dengan jelas mereka mula sampai ke Malaysia. Keadaan ini adalah

disebabkan oleh faktor umur yang terlalu muda semasa merantau ke Malaysia iaitu antara dua hingga sepuluh tahun. Ada juga di antara para-perantau yang tidak mahu ditemubual dan memberi maklumat kerana bimbang fakta yang diberikan nanti akan memberi kesan yang negatif terhadap masyarakat Minangkabau itu sendiri.

Justeru itu, hanyalah golongan perantau yang berumur antara tiga puluhan hingga enampuluhan yang sanggup memberikan maklumat berkenaan dengan tradisi merantau dan menceritakan pengalaman diri mereka kepada pengkaji. Keadaan ini adalah disebabkan oleh nostalgia lama oleh mereka yang berumur enampuluhan untuk dikongsi bersama oleh pengkaji. Tambahan pula para-perantau tersebut merasa gembira dan seronok tinggal di Malaysia.

Walaupun pengkaji menghadapi masalah seperti yang telah disebutkan di atas, pengkaji tetap berusaha menyiapkan latihan ilmiah ini. Adalah diharapkan kajian ini akan dapat memberikan sedikit sebanyak sumbangan terutama sekali dalam kajian berkenaan dengan proses kedatangan orang-orang Indonesia keturunan Minangkabau ke Malaysia.

(iv) Definasi Merantau

Merantau adalah istilah Melayu, Indonesia dan Minangkabau yang sama dengan pemakaian dengan kata akar “rantau” .⁴ Rantau menurut Winstedt⁵, Iskandar,⁶ dan

⁴ Mochtar Naim, Merantau Pola Migrasi Suku Minangkabau, Gadjah Mada University Press, Yogyakarta, 1984, hlm. 2.

⁵ R.O. Winstedt, Kamus Bahasa Melayu, Singapore, 1960, dibawah kata “rantau”.

⁶ Teuku Iskandar, Kamus Dewan, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur 1970, hlm. 931.

Purwadarminta⁷ ialah kata benda yang bererti dataran rendah atau daerah aliran aliran sungai, jadi biasanya terletak dekat ke atau bahagian dari daerah pesisir.⁸ Merantau ialah kata kerja yang berawalan “me” yang bererti pergi ke rantau.⁹

Istilah merantau dari segi sosiologi mengandungi 6 unsur pokok iaitu¹⁰:

1. Meninggalkan kampung halaman.
2. Dengan kemahuan sendiri.
3. Untuk jangka waktu lama atau tidak.
4. Dengan tujuan mencari penghidupan, menuntut ilmu atau mencari pengalaman.
5. Biasanya dengan maksud kembali pulang.
6. Merantau ialah lembaga sosial yang membudaya.

Pada awalnya, merantau adalah dianggap hanya meninggalkan kampung halaman sahaja. Keadaan ini boleh dilihat melalui percakapan yang bermaksud pergi ke kota yang dekat sahaja.¹¹ Pada masa itu, wilayah Minangkabau hanyalah terbatas kepada Luhak nan Tigo, pergi ke pantai timur atau ke pantai barat sudah dianggap merantau.¹²

Namun begitu, Sumatera Barat, dari sudut politik dan budayanya telah menjadi satu wilayah dan penduduknya tidak lagi menganggap dirinya terbahagi kepada sub-kelompok. Justeru itu, sudah menjadi kebiasaan “kata merantau” digunakan untuk pergi ke luar Sumatera.¹³

⁷ W. J. S Purwadarminta, Kamus Umum Bahasa Indonesia, Balai Pustaka, Jakarta, 1966, Bhg. II, hlm., 125.

⁸ Mochtar Naim, Merantau Pola Migrasi Suku Minangkabau, hlm., 2.

⁹ Ibid.

¹⁰ Ibid, hlm., 3.

¹¹ Ibid.

¹² Ibid.

¹³ Ibid.

Malah merantau adalah dianggap sebagai satu sifat yang sudah menjadi darah daging orang Minangkabau. Ada adat perbilangan yang menggambarkan kecenderungan orang-orang Minangkabau untuk pergi mengadu nasib ke daerah-daerah yang jauh iaitu;

“Kerantau matang di hulu, berbunga buah belum,
Kerantau bujang dahulu, di kampung berguna belum.”¹⁴

Orang-orang Minangkabau merantau ke merata tempat dan negeri sepanjang masa dan tidak henti-hentinya. Biasanya tenaga muda sahaja yang berani pergi merantau. Mereka inilah yang tidak gentar menghadapi bahaya dan cabaran-cabaran dalam perjalanan yang jauh lagi berat.¹⁵

Golongan perantau mempunyai keberanian menghadapi segala macam kesusahan di tempat atau di daerah yang mereka datangi, harus giat berusaha dan berjimat hingga berjaya mencapai satu peringkat hidup yang memuaskan hati mereka. Mereka yang pergi merantau adalah putera-putera daerah yang terbaik.¹⁶ Hanya sedikit sahaja bilangan mereka yang pulang balik ke kampung. Bilangan yang besar menetap di rantau, oleh itu mereka itu dipanggil “merantau Cina”.¹⁷ Walaupun begitu, golongan perantau itu tidak pernah lupa saudara mara dan kampung halaman.

¹⁴ Mohd Dahlan Mansoer, Minangkabau dan Negeri Sembilan dalam Kertas Kerja Adat Perpatih dan Negeri Sembilan. Tinjauan Kaitan Sejarah dan Kebudayaan. 10-12 April 1974. Seremban: Majlis Belia Negeri Sembilan.

¹⁵ Ibid.

¹⁶ Ibid.

¹⁷ Ibid.

Keadaan ini dapat dilihat melalui nyanyian berhibah-hiba iaitu:

Bila hari sudah senja
Dagang berurai air mata,
awan berarak ditangisi
Den takana jo kampung.¹⁸

Justeru itu dapatlah dianggap bahawa merantau adalah salah satu keistimewaan yang ada dalam masyarakat Minangkabau. Orang-orang muda digalakkan merantau untuk kemajuan diri mereka sendiri. Malah banyak perbilangan yang menyuruh sekaligus mendorong orang-orang Minangkabau pergi merantau. Merantau dianggap sebagai suatu budaya dan tempat yang hendak tuju adalah tidak terbatas sama ada di dalam Sumatera mahupun di luar Sumatera sendiri. Hamka pernah berkata bahawa orang Minang adalah orang perantau.¹⁹

Mereka yang tinggal dikampung dikatakan tidak mendapat jalan keluar. Sebaliknya, pengaruh merantau dalam masyarakat Minangkabau dapat dilihat kepada kenyataan Hamka bahawa hampir separuh anak Minangkabau telah merantau meninggalkan negerinya dan tersebar pula ke seluruh Pulau Sumatera dan menerobos ke Pulau Jawa dan negeri-negeri yang lain.²⁰

¹⁸ Ibid.

¹⁹ Hamka, Adat Minangkabau Menghadapi Revolusi, Penerbit Tekad, Jakarta, 1963, hlm., 2

²⁰ Ibid, hlm., 88.

Sehubungan dengan itu, dapatlah dikatakan bahawa merantau adalah pergi meninggalkan kampung halaman menuju ke tempat yang baru. Justeru itu, merantau adalah salah satu sifat yang cukup istimewa yang ada pada diri orang-orang Minangkabau.

BAB 1

BAB 1

LATAR BELAKANG MASYARAKAT MINANGKABAU DI SUMATERA

1.1 Asul Usul Negeri Minangkabau

Adalah dipercayai bahawa negeri Minangkabau telah wujud sejak abad ke 7 Masihi iaitu sewaktu pengaruh Hindu sedang bertapak kuat di Sumatera dan di beberapa tempat lain di kepulauan Melayu.¹ Kemunculan nama Minangkabau pula dijangka wujud lebih kurang pada tahun 1365 M bagi menerangkan tentang sebuah kerajaan di Sumatera yang berada di bawah penguasaan kerajaan Majapahit.²

Berdasarkan legenda orang-orang Minangkabau, nama negeri Minangkabau itu didapati berdasarkan kepada satu peristiwa di mana Kerajaan Minangkabau cuba membebaskan negeri mereka dari penguasaan orang-orang Jawa.³ Kerajaan

¹ Edwin M.Loeb, Sumateras its History and People, Oxford University Press, Kuala Lumpur/Singapore, 1972, hlm. 97.

² Ibid.

³ Mohd Dahlan Mansoer, dll, Sejarah Minangkabau, Penerbitan Bharata, Djakarta, 1970, hlm. 77.

Majapahit pada waktu itu adalah merupakan sebuah kerajaan tentera yang kuat di Asia Tenggara selain dari kerajaan Siam dan China.

Menurut Rahmat Bratamidzaza⁴ nama Minangkabau ini berasal dari kisah metos ekspedisi kerajaan Majapahit ketika mereka datang membawa utusan ke daerah ini pada abad ke 15. Semasa berada di Tanah Minangkabau ini, rombongan dari Majapahit itu telah mengadakan perlawanan kerbau dengan penduduk tempatan. Kerbau penduduk setempat yang lebih kecil dikatakan telah berjaya mengalahkan kerbau Majapahit yang lebih besar. Sempena dengan nama kemenangan kerbau tempatan itu akhirnya tempat perlawanan itu digelar Minangkabau dan kekal dengan nama Tanah Minangkabau hingga ke hari ini.

Manakala bagi Van der Tuck pula, nama Minangkabau berasal dari perkataan Sangskrit iaitu 'pinang kabhu' yang bermakna rumah asal.⁵ Keadaan ini adalah kerana negeri Minangkabau adalah antara merupakan salah sebuah dari kawasan-kawasan yang paling awal menerima pengaruh Hindu di kepulauan Melayu. Justeru itu, adalah diandaikan negeri Minangkabau adalah di antara satu-satunya negeri yang tertua sekali di sebelah rantau sebelah sini.⁶

1.2 Kedudukan Negeri Minangkabau

Pada abad ke 14 dan 15, wilayah Minangkabau mencangkupi keseluruhan kawasan

⁴ Sila rujuk Rahmat Bratamidzaza, et dll, Eksiklopedia Indonesia Sari Geografi, P. I. Ichtiar Baru Van Hoevei, Jakarta, 1990, hlm. 51.

⁵ Sila rujuk Bactiar Mansoer, Minangkabau Dahulu dan Sekarang, Balai Pustaka, Jakarta, 1958, hlm. 6.

⁶ Loeb, Sumateras Its History and People, hlm. 97.

Sumatera Tengah. Wilayah ini terbahagi kepada 3 bahagian iaitu luhak, rantau dan pesisiran.⁷ Ketiga-tiga luhak, rantau dan pesisir itu terbahagi pula kepada beberapa bahagian lagi yang lebih merupakan daerah kecil. Misalnya, tiga buah daerah kecil yang termasuk dalam daerah luhak adalah terdiri daripada Luhak Tanah Datar, Luhak Agam dan Luhak Lima Puluh Koto. Ketiga-tiga luhak kecil itu adalah merupakan daerah Minangkabau asli di mana bersemayamnya raja Minangkabau.⁸ Daerah rantau pula mengandungi 3 daerah kecil lagi iaitu Rantau Kampar, Rantau Indragiri, dan Rantau Batang Hari.⁹ Sementara itu daerah pesisiran pula terbahagi kepada 8 buah daerah kecil yang terdiri daripada Padang, Priaman, Indrapura, Jambi, Indragiri, Siak, Painan dan Bengkulen.¹⁰

Pada masa sekarang, daerah-daerah yang termasuk di dalam negeri Minangkabau menjadi semakin kecil dan dan dibahagikan kepada 2 bahagian pula iaitu daerah pesisir dan darat.¹¹ Daerah pesisiran merupakan sebuah dataran rendah dan di dalamnya mempunyai 3 buah daerah kecil iaitu Tiku Priaman di sebelah utara, Padang di tengah-tengah dan Indrapura di sebelah selatan. Darat pula adalah kawasan dataran tinggi yang terletak di tengah-tengah banjaran Barisan yang mencangkupi 3 buah lembahan gunung iaitu lembahan Gunung Singgalang-Tandikat, lembahan Gunung Merapi dan lembahan Gunung Saga.¹²

⁷ Ibid, hlm. 98.

⁸ Ibid, hlm. 97.


⁹ Ibid.

¹⁰ Ibid, hlm. 98.

¹¹ Mohd Dahlan Mansoer, dll, Sejarah Minangkabau, hlm. 3.

¹² Loeb, Sumateras Its History and People, hlm. 99.

PETA 1




Sumber: Mochtar Naim, Merantau Pola Migrasi Suku Minangkabau.

PETA SUMATERA BARAT

(Skala: 1.500.000)

PETA 2



MINANGKABAU & RANTAU

Sumber: Mochtar Naim, Merantau Pola Migrasi Suku Minangkabau.

Ketiga-tiga buah lembahan gunung itu dikenali juga sebagai 'semarak' bagi alam Minangkabau kerana kawasannya indah dan menjadi tumpuan pula kepada pelancong dari luar dan dalam negeri setiap tahun.¹³ Bermula dari banjaran bukit Barisan itulah mengalirnya beberapa batang anak sungai yang bermuara di Selat Melaka. Kawasan-kawasan di mana mengalirnya anak sungai itu lebih dikenali sebagai daerah 'rantau' dan merupakan daerah kolonisasi bagi negeri Minangkabau.¹⁴

Pada suatu ketika, pengertian rantau adalah terbatas bagi daerah-daerah di luar alam Minangkabau, tetapi sekarang ianya sudah meliputi kawasan-kawasan yang terletak di luar Sumatera. 'Pergi merantau' dalam erti kata meninggalkan orang tua, sanak saudara dan kampung halaman telah menjadi darah daging kepada sebahagian besar penduduk Minangkabau.¹⁵ Rantau adalah tempat berusaha, mempelajari pelbagai ilmu pengetahuan dan pengalaman. Hasilnya nanti akan dapat menambahkan kesejahteraan dan kebahagiaan diri sendiri, sanak saudara dan kampung halaman.¹⁶

Luas wilayah Sumatera Barat yang merupakan wilayah di pantai barat Sumatera serta tempat wujudnya alam Minangkabau itu ialah 42, 297,030 km persegi dengan jumlah penduduk seramai 3, 860, 433 pada 1988 yang terdiri daripada masyarakat Minangkabau dan selebihnya suku Metawi. Menurut data pada 1985, 97.9% adalah penduduk beragama islam, 1,8% beragama Kristian dan beragama Buddha ialah 0.3%. Ibu kota wilayah

¹³ Mohd Dahlan Mansoer, dll, Sejarah Minangkabau, hlm. 3.

¹⁴ Ibid.

¹⁵ Ibid.

¹⁶ Ibid, hlm. 8.

Sumatera Barat ialah Padang.¹⁷ Wilayah Sumatera Barat juga adalah merupakan salah satu daripada 27 provinsi di Indonesia.¹⁸

1.3 Struktur Sosial di Minangkabau

Boleh dikatakan bahawa alam Minangkabau telah menempatkan masyarakat Minangkabau yang mempunyai sistem sosialnya yang tersendiri. Sejak abad ke 15 Masihi lagi tidak ada sebuah pun pemerintah yang berwibawa yang dapat menguasai seluruh penduduknya. Masyarakat Minangkabau mempunyai sejarah pemerintahannya yang tersendiri.

1.3.1 Aspek Pemerintahan

Tidak ada kerajaan Pusat yang menguasai wilayah-wilayah jajahannya seperti kerajaan Mataram di Jawa.¹⁹ Cuma wujud 'konfederasi republik' iaitu tiap-tiap negeri ataupun bandar itu mempunyai kuasa otonominya sendiri yang tidak dapat digugat oleh kuasa lain.²⁰ Tidak ada keistimewaan pun bagi seorang raja di Minangkabau.²¹ seperti juga seorang rakyat biasa, seorang raja itu bergantung kepada kuat kepada sawah dan ladang yang dipercayai serta sedikit pendapatan tambahan melalui hadiah atau upeti yang

¹⁷Sila rujuk Rahmat Bratamidzaza, et, al, Ekslopedia Indonesia Sari Geografi, P.I Ichtiar Baru Van Hoeve, Jakarta, 1990 hlm. 51.

¹⁸ Ibid.

¹⁹ Maraden, The History of Sumatera, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1965, hlm. 32.

²⁰ Ibid.

²¹ Loeb, Sumateras Its History and People, hlm. 24.

dikirimkan oleh wakil-wakil kerajaan di wilayah-wilayah yang terletak di bawah penguasaannya.²²

Raja hanyalah sebagai lambang persatuan dan kekuasaannya terserlah di rantau, tetapi itu pun dilimpahkannya pula kepada raja-raja muda yang disebut Rajo nan Tigo Selo, iaitu terdiri dari Rajo Alam, Rajo Adat dan Rajo Ibadat. Ketiga-tiganya bersemayam di Pagarruyung di luhak Tanah Datar, sekalipun Raja Adat dan Raja Ibadat mempunyai daerah dan kedudukan masing-masing di Buo dan di Sumpur Kudus.²³ Raja Alam diberi gelaran Yang DiPertuan Basa dan fungsinya dipusakai turun-temurun secara patrilineal dari ayah ke anak yang merupakan sesuatu yang kontras jika dibandingkan dengan sistem keturunan Minangkabau yang umum, iaitu matrilineal.²⁴ Kekuasaan tiga serangkai ini diperkuatkan lagi dengan sebuah dewan menteri yang disebut Basa Ampek Balai, yang berkedudukan di Pagarruyung.²⁵

Namun begitu, semasa kerajaan Pagarruyung tidak utuh lagi apabila Aceh berjaya menakluki daerah pesisiran Minangkabau antara tahun-tahun 1580 hinggalah membawa kepada tahun 1660.²⁶ Yang DiPertuan atau raja Alam Pagarruyung tidak lagi memiliki kuasa tunggal, dia sebaliknya harus membahagikan kuasanya kepada 2 anggota "Tri

²² Mohd Dahlan Mansoer, *dil. Sejarah Minangkabau*, hlm. 24.

²³ De Josselin de Jong, *Minangkabau and Negeri Sembilan*, Socio-Political Structure in Indonesia, Bharatara, Jakarta, 1960, hlm. 7.

²⁴ Ibid, hlm.103.

²⁵ Mochtar Naim, *Merantau Pola Migrasi Suku Minangkabau*, Gadjah Mada University Press, Yogyakarta, 1984, hlm. 17.

²⁶ Datuk Ahmad Batuah, *Tambo Minangkabau dan Adatnya*, Penerbitan Balai Pustaka, Jakarta, 1956, hlm. 18.

Tunggal" lainnya, Raja Adat berkedudukan di Sumpur Kudus.²⁷ Tri Tunggal terkenal dengan nama : Rajo Nan Tigo Selo.²⁸ Walaubagaimanapun, ketiga-tiga orang raja itu hanyalah merupakan penguasa secara nominal sahaja kerana kekuasaan eksklusif dipegang oleh Basa Ampek Balai (Dewan Empat Menteri). Para menteri ini bukanlah anggota keluarga diraja tetapi orang-orang yang terkemuka dan terkenal di negeri masing-masing.²⁹ Pemerintahan seperti itu telah runtuh kerana dimusnahkan oleh kaum Paderi di tahun-tahun 1850an.³⁰

1.3.2 Suku dan keluarga dalam masyarakat Minangkabau.

Suku atau matriclean ialah unit utama dari struktur sosial di Minangkabau dan seseorang tidak dapat dipandang sebagai orang Minangkabau kalau dia tidak mempunyai suku.³¹ Suku ertinya kaki dan sesuku mempunyai mempunyai makna sekaki atau seperempat bahagian. Itulah asal mula pengertian suku di Minangkabau sekarang.³² Suku sifatnya exogamis, kecuali bila tidak dapat ditelusuri lagi hubungan keluarga antara dua buah suku yang senama tetapi terdapat di kampung yang berlainan.³³

Tiap-tiap suku biasanya berdiri dari beberapa periuk dan dikepalai oleh kepala paruiik atau tungganai. Paruiik dapat dibahagi lagi ke dalam jurai dan jurai pula ke dalam

²⁷ Mochtar Naim, Merantau Pola Migrasi Suku Minangkabau, hlm. 63.

²⁸ Ibid.

²⁹ Ibid, hlm. 17.

³⁰ Lihat M. D. Mansoer, et al., Sejarah Minangkabau, hlm. 67.

³¹ Mochtar Naim, Merantau Pola Migrasi Suku Minangkabau, hlm. 18.

³² Abdul Rahman Haji Ibrahim, Dasar-Dasar Adat Perpatih, Pustaka Antara, Kuala Lumpur, 1964, hlm. 24.

³³ Mochtar Naim, Merantau Pola Migrasi Suku Minangkabau, hlm. 18

semende (ertinya satu ibu). Istilah suku di Minangkabau tidaklah menyerupai seperti mana istilah 'manga' di Tanah Batak kerana istilah suku di dalam masyarakat Minangkabau beerti pengelompokan masyarakat menurut garis sebelah ibu, sedangkan istilah 'manga' bagi masyarakat Batak pula lebih menggambarkan pengelompokan sesuatu masyarakat berdasarkan kampung atau daerah asal.³⁴

Samande, sukar dipandang sebagai unit yang berdiri sendiri oleh kerana dua atau tiga semende adalah mendiami rumah dan memiliki harta benda yang tidak bergerak secara bersama, sedangkan segala hal ehwal yang penting dalam lingkaran hidup (life cycle) tidak dapat diselesaikan oleh anggota-anggota dari semende yang sama (yang biasanya berpusat di sekeliling seorang nenek) saja, tetapi harus disampaikan kepada paruik. Anggota paruik yang sama biasanya memiliki harta yang sama (harto pusako), seperti tanah bersama, termasuk sawah ladang, rumah gadang dan padang perkuburan yang sama.³⁵

Oleh kerana paruik berkembang, ia mungkin memecah diri menjadi dua paruik atau lebih, sekali pun masih dalam suku yang satu dan dengan berkembangnya suku ia mungkin pula terbahagi ke dalam dua atau lebih suku baru yang bertalian.³⁶

Dalam sistem keturunan matrilineal ini, ayah bukanlah anggota dari garis keturunan anak-anaknya. Dia dipandang tamu dan diperlakukan sebagai tamu dalam keluarga yang tujuannya, terutama untuk memberi keturunan. Dia disebut semando atau urang semando.

³⁴ Loeb, *Sumateras Its History and People*, hlm. 107.

³⁵ Mochtar Naim, *Merantau Pola Migrasi Suku Minangkabau*, hlm. 19.

³⁶ Ibid.

Tempatnya yang sah adalah dalam garis sebelah keturunan ibunya di mana dia berfungsi sebagai anggota keluarga laki-laki dalam garis keturunan ibu.³⁷ Secara tradisinya tanggungjawab memang berada di situ. Dia adalah wali dari dari garis keturunannya dan pelindung atas benda garis keturunan itu sekalipun dia harus menahan dirinya dari menikmati hasil tanah kaumnya oleh kerana dia tidak dapat menuntut bahagian apa-apa untuk dirinya. malah tempatnya itu tidak ada di rumah orang tuanya (garis ibu) oleh kerana semua bilik hanya diperuntukkan bagi anggota keluarga yang perempuan, yakni untuk menerima suami-suami mereka di malam hari.³⁸

Ketika zaman jumlah penduduk Minangkabau belum berkembang seperti sekarang dan tuntutan hidup tidaklah begitu banyak, tanggungjawab untuk menampung keluarga sekaum, seperut dan sebagainya tidaklah dirasakan terlampau berat. Pada masa sekarang dengan adanya tuntutan hidup yang semakin bertambah, kewajipan menolong sesama keluarga telah dirasakan begitu berat sekali.³⁹

Keadaan ini adalah disebabkan oleh sistem kekeluargaan yang berdasarkan ikatan darah itu telah banyak menyekat perkembangan ekonomi seseorang individu itu, maka keadaan ini telah membuatkan ramai orang-orang Minangkabau terutama para-pengusahanya lebih suka mengembangkan bakat dan kemampuan ekonomi mereka di rantau daripada bumi Minangkabau sendiri.⁴⁰

³⁷ Ibid, hlm. 19.

³⁸ Ibid.

³⁹ Mohd Dahlan Mansoer, dll, Sejarah Minangkabau, hlm. 19.

⁴⁰ Ibid.

Anggota keluarga yang agak senang akan dianggap sebagai tempat bernaung oleh kaum keluarganya yang lain. Hal ini sering menimbulkan sebagai akibat 'menunggangi bersama pucuk yang baru bertunas dan mematikan pucuk yang hendak baru berkembang.'⁴¹

Sistem kekerabatan yang berdasarkan hubungan persukuan itu sedikit sebanyak telah mengakibatkan kesetiaan orang-orang Minangkabau lebih dipusatkan kepada anggota keluarganya, kepada rumah keluarga iaitu 'rumah gadang' dan setapak bumi tempat ibunya melahirkannya. Nasionalisme Minangkabau kerana itu pada dasarnya adalah nasionalisme 'kampung' dilingkungan di mana mereka berada.⁴²

Suku dan keluarga yang dianggap sebagai intisari dalam kehidupan masyarakat Minangkabau sehari-hari itu adalah merupakan kekuatan dan kelemahan masyarakat Minangkabau sekaligus. Misalnya, sewaktu berdepan dengan kuasa asing iaitu orang-orang Aceh dan Belanda, pandangan masyarakat Minangkabau yang lebih mementingkan individu dan kekeluargaan daripada kepentingan bangsa dan tanah air itulah telah menyebabkan sukar sekali ditubuhkan pasukan bersenjata yang kuat di Minangkabau.⁴³

⁴¹ Ibid.

⁴² Nasionalisme di sini kesetiaan tertinggi seseorang individu itu terhadap negara mereka dan sikap beginilah yang jarang sekali didapatkan di dalam masyarakat Minangkabau. Lihat Abdullah Taufik, Adat and Islam, An Examination of Conflic in Minangkabau, Cornell University Press, New York, 1966, hlm. 45

⁴³ Loeb, Sumateras Its History and People, hlm. 115.

1.3.3 Mamak dan Kemenakan.

Sesuai dengan tugas dan fungsi di dalam kekerabatan yang berdasarkan garis sebelah ibu maka di dalam masyarakat Minangkabau terdapat apa yang dipanggil sebagai 'mamak rumah', 'mamak kaum' dan 'mamak suku'.⁴⁴ 'Mamak rumah' adalah saudara lelaki di pihak ibu (samada adik atau abang ibu) atau garis sebelah ibu 'serumah gadang' yang terpilih untuk menjadi wakil pembimbing anggota-anggota keluarga garis ibu yang terdekat.

Tugas beliau adalah sebagai pemelihara dan pemimpin kepada kemenakan-kemenakannya (anak saudara) iaitu anak-anak dan anggota-anggota dari seluruh keluarganya.⁴⁵ Melalui amanah yang diberikan kepadanya maka 'mamak rumah' mempunyai hak untuk menguasai penggunaan sawah atau ladang yang dikerjakan dan dimiliki bersama oleh anggota keluarganya. Beliau juga bertugas sebagai penyelesai jika terdapat salah faham di antara anggota-anggota di dalam keluarga mereka. 'Mamak rumah' kadang-kadang dipanggil 'datuk' dan memakai gelar pesaka kaumnya.⁴⁶

⁴⁴ Loeb, Sumateras Its History and People, hlm. 116.

⁴⁵ Mohd Dahlan Mansoer, dll, Sejarah Minangkabau, hlm. 9.

⁴⁶ Ibid.

'Mamak kaum' pula dianggap sebagi penghulu dan menjadi anggota 'Kerapatan Adat' iaitu dewan pemerintahan di dalam negeri tergantung kepada kebiasaan tiap-tiap luhak, 'mamak kaum' sebagai salah seorang anggota 'Kerapatan Adat' juga disebut juga sebagai 'Penghulu Pucuk', 'Penghulu Payung' dan 'Penghulu Andiko'.⁴⁷

Pucuk bererti seseorang yang dianggap pemberi semangat atau dorongan kepada penyuburan tanam-tanaman. Istilah 'payung' pula bermaksud sebagai tempat berlindung dari panas terik dan hujan lebat sementara istilah 'andiko' adalah berasal dari perkataan Sanskrit 'andika' yang bermaksud memerintah.⁴⁸ Keadaan ini menunjukkan betapa pentingnya institusi Penghulu kepada masyarakat Minangkabau.

Sebagai penghulu, 'mamak kaum' dipanggilakan 'datuk' oleh anak buahnya sementara sebagai anggota keluarga yang dipilih, 'mamak rumah' lebih dianggap sebagai pentadbir iaitu orang yang bertanggungjawab memelihara harta pusaka keluarga di dalam bentuk tanah dan rumah pusaka. Sebagai anggota kerapatan adat pula tugas seseorang penghulu itu adalah sebagai wakil untuk membela hak-hak keluarga yang dipimpinnya.⁴⁹

Sementara di daerah-daerah pesisiran dan rantau seseorang penghulu sering kali disebut 'tuanku' dan sering pula memakai gelaran 'raja'. Pada zaman pemerintahan Belanda, istilah 'tuanku' digunakan sebagai panggilan kepada 'kepala daerah', 'kepala negeri', 'demang' dan 'pembantu demang'.

⁴⁷ Ibid, hlm. 9.

⁴⁸ Ibid.

⁴⁹ Ibid, hlm. 10.

Manakala di daerah Pariaman, bagi golongan yang berkedudukan tinggi mereka memakai gelaran 'sutan', 'sidi' atau 'bagindo' sahaja.⁵⁰ Bagi membezakan golongan ini daripada rakyat biasa mereka lazimnya disebut sebagai 'orang berbangsa'. Orang berbangsa di Padang memakai gelaran 'marah' atau 'sutan' di depan namanya sahaja. Berbeza dengan gelaran penghulu, gelaran orang berbangsa dapat diturunkan kepada anak tetapi tidak kepada kemenakan.⁵¹ nama suku dan gelaran pesaka tetap diterima oleh pihak ibu.

Sesuai dengan fungsi dan kedudukan seseorang penghulu di dalam lingkungan keluarga, suku dan masyarakat Minangkabau mereka kerap kali diiringi oleh kemenakan yang terdekat serta beberapa orang suruhan, sewaktu penghulu tersebut hendak melawat ke suatu tempat. Apabila seseorang penghulu itu telah tua dan uzur yang mana boleh menjejaskan tugasnya sebagai 'anggota kerapatan adat' maka menjadi kebiasaan pula kepada kemenakan-kemenakan yang terdekat untuk mancalunkan salah seorang daripada mereka sebagai 'penongkat'.⁵²

Tugas seorang 'penongkat' itu adalah sebagai penumpu yang memberikan kekuatan dan tenaga kepada penghulu yang sudah tua itu. Beliaulah yang bertindak sebagai wakil bagi pihak penghulu baik kepada suku mahupun kepada 'kerapatan adat'.⁵³ Sebagai mengenang jasa yang tidak kecil itu maka pembantu penghulu itu digelar sebagai 'Datuk Muda'.

⁵⁰ Loeb, *Sumatera Its History and People*, hlm. 109.

⁵¹ Bachtiar Mansoer, *Sejarah Minangkabau*, hlm. 16.

⁵² Ibid, hlm. 17.

⁵³ Mohd Dahlan Mansoer, *Sejarah Minangkabau*, hlm. 11.

Apabila seseorang penghulu itu meninggal dunia pula, maka 'Datuk Muda' itu akan dilantik sebagai penggantinya melalui upacara adat yang dihadiri oleh segenap penghulu di dalam negeri dan wakil-wakil penghulu dari negeri-negeri yang berdekatan. Pada upacara itu nantinya digelar pesaka yang bakal dipakai oleh penghulu baru itu akan ditentukan sebagai penghulu kaum dan anggota 'kerapatan adat'. Biasanya di dalam upacara tersebut kaum kerabat Datuk Muda itu akan menyembelih seekor kerbau lalu memikuknya beramai-ramai sebagai menandakan rasa besar hati dan sanjungan mereka terhadap perlantikan salah seorang daripada kaum kerabat mereka sebagai penghulu.⁵⁴

Seseorang penghulu itu mempunyai tanda-tanda kebesaran seperti destar, baju, celana, keris, tongkat serta sepasang terompah kulit yang bersalutkan benang emas. Selain dari itu ia juga harus mematuhi syarat-syarat dan mematuhi kepada peraturan-peraturan yang ditetapkan bagi seseorang penghulu. Anak-anak saudara wanita dan saudara-saudara dari pihak ibu di sebut kemenakan. Ada kemenakan kandung, kemenakan separut dan kemenakan sepesukuan. Boleh dikatakan dalam lain pengertian, kemenakan kepada seseorang penghulu itu beerti rakyat iaitu seluruh penduduk yang tertakluk di bawah pemerintahan penghulu tersebut.⁵⁵

Pepatah Minangkabau terkenal dengan kata-kata kemenakan berajo kepada mamak, berajo kepada penghulu, berajo kepada permusyawarahan, berajo kepada patut dan benar.⁵⁶ Berajo dalam istilah ini membawa maksud 'tunduk di bawah penghulu'.⁵⁷

⁵⁴ Ibid, hlm. 11.

⁵⁵ Ibid.

⁵⁶ Ibid.

⁵⁷ Ibid.

Apabila berhadapan untuk menyelesaikan sesuatu masalah, kemenakan boleh memberikan pendapat mereka, kepada penghulu tetapi keputusan muktamadnya adalah ditentukan oleh 'kerapatan adat', iaitu badan perundangan tertinggi di negeri Minangkabau.⁵⁸

Manakala yang dimaksudkan dengan ' yang patut dan benar' itu ialah satu-satu keputusan yang di buat oleh seseorang penghulu itu terutama dalam menjatuhkan sesuatu hukuman kepada seseorang pesalah mestilah berdasarkan pertimbangan yang seadil-adilnya dan mendapat persetujuan pula dari anggota-anggota lain dalam 'kerapatan adat'. Susunan masyarakat Minangkabau dengan sendirinya melatih dan mempersiapkan diri tiap-tiap orang Minangkabau terutama sekali penghulu untuk 'pandai bertikam lidah' dalam satu-satu meja perundangan.⁵⁹

Selain istilah kemenakan lazim pula digunakan kata 'anak buah' yang bererti orang suruhan penghulu untuk melakukan kerja berat dan merbahaya seperti membuka hutan untuk dijadikan sawah atau ladang dan menjaga keamanan negeri sebagai 'pagar kampung'.⁶⁰

Tiap-tiap negeri mempunyai sejumlah 'anak buah' iaitu barisan pengawal yang anggota-anggotanya pandai bermain senjata dan pandai bersilat pula. Lazimnya mereka

⁵⁸ Ibid, hlm. 12.

⁵⁹ Ibid.

⁶⁰ Ibid.

mereka di sebut dubalang.⁶¹

Pepatah Minangkabau ada mengatakan, 'kata penghulu kata penyelesai, kata imam-khatib kata hakikat'.⁶² Apa yang dimaksudkan sebagi kata hakikat itu ialah adalah pertimbangan yang menurut ajaran agama islam, sementara yang menentukan sesuatu keputusan itu ialah penghulu sebagai ahli adat dan penguasa.

Justeru kerana banyak waktu yang terluang, penghulu dan dubalang yang juga sebagai pendekar seringkali mengisi masa lapang mereka dengan bermain judi atau pun menyambung ayam. Kadang-kadang berlaku pula persengketaan sesama penghulu yang tidak sahaja yang melibatkan mereka tetapi kerap kali juga membawa kepada perkelahian dan perjuangan senjata di antara kemenakan-kemenakan mereka. Ketika keadaan inilah di dapati terdapat hubungan peribadi yang erat di antara penghulu dan kemenakan di mana biasanya perkara sebegini jarang sekali berlaku.

Sebagai seorang yang berpengaruh dan memegang tampuk pemerintahan, tiap-tiap seorang penghulu itu di katakan mempunyai kuasa otonomi, mempunyai sawah dan ladang serta rakyat (kemenakan) yang mematuhi segala undang-undang yang dibuat olehnya. Daerah-daerah di mana penghulu lebih berkuasa itu pada hakikatnya adalah merupakan sebuah republik yang kecil. Gabungan dari republik inilah yang jumlahnya mendekati

⁶¹ Datuk Ahmad Batuah, Tambo Minangkabau dan Adatnya, hlm. 19.

⁶² Ibid, hlm. 19.

seribu buah semuanya dan mempunyai hubungan yang longgar di antara satu dengan yang lain di kenali oleh dunia luar sebagai Minangkabau.⁶³

1.3.4 Alim Ulama.

Golongan alim ulama, ahli-ahli politik dan ekonomi adalah merupakan satu rangkaian yang dikenali sebagai 'tali yang sepilin (segulung) tiga' di Minangkabau. Keadaan ini adalah disebabkan oleh ketiga-tiga mereka mempunyai peranan yang penting untuk memajukan masyarakat dan negeri Minangkabau.⁶⁴

Kaum nenek mamak di anggap sebagai memiliki pemerintahan awam dari peringkat kampung hinggalah ke peringkat kewilayahan. Golongan cerdik pandai mewakili golongan terpelajar, pengusaha dan saudagar. Antara peranan kepimpinan golongan terpelajar dan golongan nenek mamak itu ialah wujudnya kepentingan tugas seseorang alim ulamak itu.

Kaum agama dalam 'kerapatan adat' atau dewan pemerintahan dari kampung hinggalah ke peringkat wilayah, seringkali dijemput memberikan pendapat terutama dalam memberikan pendapat terutama dalam membuat satu-satu keputusan ataupun menjatuhkan hukuman kepada seseorang yang didapati bersalah. Sebelum timbulnya Peperangan Padri, golongan agama merupakan orang yang berpengaruh kepada masyarakat Minangkabau.

⁶³ Ibid, hlm. 19.

⁶⁴ Ibid.

Kebolehan mereka dalam bidang hal-chwal keagamaan serta di tambah dengan kepandaian membaca di dalam bahasa Arab, telah menjadikan mereka sebagai harapan masyarakat untuk membimbing generasi muda ke arah kebaikan.⁶⁵

Walaupun seseorang ulama itu dihormati sebagai pendidik tetapi bidang pentadbiran mereka tidak mempunyai kuasa. Mereka cuma boleh memberi nasihat tetapi tidak boleh menentukan keputusan atau pun melaksanakan perintah. Golongan alim ulama terkenal pula dengan panggilan seperti pandito (pendita), khatib, imam dan sheikh. Panggilan-panggilan dan gelaran-gelaran untuk seseorang guru agama itu bergantung pula ke atas kecil atau besarnya kewibawaan mereka.⁶⁶

Sebagai golongan terhormat, mereka sering kali merasa tidak puas hati dengan susunan hieraki masyarakat Minangkabau yang tidak memberikan kedudukan sewajarnya kepada mereka. Keadaan ini di tambah pula dengan sikap penghulu yang seringkali tidak sehaluan sama sekali dengan golongan agama dan hukum syaraq.⁶⁷

Penyalahgunaan kuasa oleh golongan pemerintah telah menimbulkan perasaan tidak puas hati di kalangan ahli agama pada abad ke 18 dan awal abad ke 19 di Minangkabau. Tambahan pula dengan sokongan yang diberikan oleh sebahagian besar dari murid-murid yang mendapat asuhan mereka telah terlibat dengan menimbulkan komplot 'Gerakan Padri'

⁶⁵ Ibid, hlm. 19.

⁶⁶ Ibid.

⁶⁷ Ibid.

yang kemudian mencetuskan pula Peperangan Padri pada 1821 Masihi hingga 1837 Masihi.⁶⁸

Biarpun peperangan tersebut akhirnya telah dapat ditumpaskan oleh pemerintahan hasil daripada pertolongan pihak Belanda, pengaruh golongan agama masih lagi kuat dan tetap memonopoli pendidikan agama bagi masyarakat Minangkabau hingga dewasa ini. Sewaktu zaman penjajahan Belanda di Minangkabau, golongan ulama seringkali menerima tindasan di mana penghulu-penghulu sebagai penyokong Belanda, telah diberikan kuasa yang berlebihan untuk menangkap mereka.⁶⁹

Sewaktu tentera Jepun berkuasa di Minangkabau pada 1941 hingga 1945 Masihi, golongan alim ulama telah diberikan kuasa untuk mentadbir Minangkabau. Kaum agama telah dipilih untuk mengetuai tentera-tentera sukarela untuk memperjuangkan semangat 'Asia untuk orang-orang Asia'.⁷⁰

Manakala sewaktu zaman revolusi pula iaitu pada tahun 1945 hinggalah tahun 1949 Masihi, kaum alim ulama masih kekal memainkan peranan sebagai pemimpin pasukan tentera, pentadbiran awam dan ketua parti-parti politik.

⁶⁸ Ibid, hlm. 22.

⁶⁹ Ibid.

⁷⁰ Ibid.

1.3.5 Kegiatan Ekonomi Masyarakat Minangkabau.

Pertanian merupakan sumber kehidupan masyarakat Minangkabau. Lada hitam iaitu barang dagangan yang paling laris sekali di kepulauan Melayu, pada abad ke 15, pernah dihasilkan di bahagian timur daerah pesisiran Minangkabau. Saudagar-saudagar dari negeri China dan Parsi pernah pada suatu ketika dahulu merupakan pedagang-pedagang yang paling beruntung sekali hasil daripada perdagangan lada hitam itu.⁷¹

Emas juga adalah hasil eksport Minangkabau pada abad ke 16 dahulu. Salah satu sebab yang membawa kepada penguasaan Aceh ke atas Minangkabau pada abad ke 16 dan oleh Belanda pada abad ke 17 adalah kerana memerlukan monopoli ke atas perdagangan emas dan lada hitam. Penaklukan Aceh ke atas Minangkabau telah dengan secara tak langsung menarik kemasukan agama islam ke daerah Minangkabau di awal abad ke 16.⁷²

Pada masa sekarang, masyarakat Minangkabau pun ramai yang menumpukan kegiatan di dalam perdagangan di samping pertanian, memburu binatang, menangkap ikan dan melibatkan diri dalam perusahaan secara kecil-kecilan. Antara ternakan yang diusahakan ialah kerbau, lembu, kuda, kambing, dan biri-biri. Kerbau amat penting kerana diperlukan membajak sawah.

⁷¹ Marsden, The History of Sumatera, hlm. 16.

⁷² Ibid, hlm. 46.

Perusahaan yang terdapat di Minangkabau adalah dari jenis kecil seperti menganyam tikar, membuat bakul dari rotan membasuh galian emas, terutama yang baru di lombong serta membuat tembikar. Kebanyakan kerja-kerja tersebut dilakukan oleh orang-orang perempuan. Kaum lelaki Minangkabau pula ramai yang menceburkan diri dalam kerja seperti menganyam tali, membuat kertas, bertukang kayu, membuat perabot-perabot rumah dan kerja-kerja melombong emas.⁷³

Kira-kira setengah abad yang lalu, di tiap-tiap rumah orang Minangkabau akan terdapat mesin-mesin menenun kain, tetapi sekarang mereka lebih gemar membeli pakaian yang dimport dari luar kerana buatannya lebih baik dan harganya murah.

Bersawah merupakan perkerjaan yang penting di mana ianya dilakukan oleh ramai kaum lelaki dan wanita. Orang Minangkabau sebahagian besarnya ialah petani.⁷⁴ Justeru itu, penanaman tembakau dan gambir juga ada diusahakan secara kecil-kecilan terutamanya apabila tamatnya musim menuai.

Terdapat juga beberapa buah daerah Minangkabau yang mempunyai kawasan sawah padi yang sedikit seperti di daerah-daerah Koto Tuo (Kota Tua), Koto Gedang (Kota Besar), Balingka dan negeri-negeri di sepanjang Danau Maninjau di Luhak Agam. Daerah-daerah tersebut terkenal dengan tukang-tukang besinya, alim ulama dan saudagar-saudagar yang kaya.⁷⁵

⁷³ Mohd Dahlan Mansoer, dll, Sejarah Minangkabau, hlm. 19.

⁷⁴ Mochtar Naim, Merantau Pola Migrasi Suku Minangkabau, hlm. 16.

⁷⁵ Ibid, hlm. 19.

1.4 Kesimpulan

Gambaran mengenai orang-orang Minangkabau yang telah diterangkan sebelum ini adalah untuk memahami mengenai keadaan mereka di Sumatera Barat. Keadaan ini akan dapat membantu memahami akan budaya merantau yang cukup terkenal dalam masyarakat Minangkabau. Justeru itu, latar belakang kehidupan masyarakat Minangkabau akan dapat menelusuri budaya merantau yang cukup kuat di kalangan masyarakat Minangkabau di Sumatera Barat.

RUJUKAN

BUKU

Abdul Rahman Haji Ibrahim. 1964. Dasar-Dasar Adat Perpatih. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.

Abdul Samad Idris. 1970. Hubungan Minangkabau Dari Segi Sejarah dan Kebudayaan. Seremban: Pustaka Asas.

Abdullah Taufik. 1966. Adat dan Islam An Examination of Conflic in Minangkabau. New York: Cornell University Press.

Ahmad Batuah. 1956. Tambo Minangkabau dan Adatnya. Jakarta: Balai Pustaka.

Bachthiar Mansoer. 1958. Minangkabau Dahulu dan Sekarang. Jakarta: Balai Pustaka.

Cortesao, A. (ed). 1971. The Suma Oriental of Tom Pires. Jilid 2. London: The Hakluyt Society.

Dahm. B. 1971. The History of Indonesia in The Twentieth Century. Pall Mall Press.

Dixon B. R. 1951. Primitive Migration dalam Encyclopedia of The Social Science. Vol IX ed.

De Josselin de Jong. 1960. Minangkabau and Negeri Sembilan Socio Political Structure In Indonesia. Jakarta: Bharatara.

_____. 1971. The Dynastic Myth of Negeri Sembilan. belum diterbitkan.

Encyclopedia Indonesia Sari Geografi. 1990. Minangkabau Dahulu dan Sekarang. Jakarta: P.I Ichtiar Baru Van Hoevei.

Encyclopedia of The Social Science. 1951. vol IX. ed., s.v. "Migration" and "Mobility.

Hamka. 1963. Adat Minangkabau Menghadapi Revolusi. Jakarta: Tekad.

_____. 1952/53. Kenang-Kenangan Hidup. Jakarta: Galzuira.

Harrison T.1970. The Malay of The South West Serewak Before Malaysia Socoi-Ecological Survey. Mc Millan.

Lange H.M. 1852. Het Nederlandsch Oost. Indisch Leger ter Westkust van Sumatra (1819-1845). s`Hertogenbosch.

Leu D. and Feith H. 1963. The End of The Indonesia Rebellion. Pacific Affair. No. 1. Spring.

Leur Van J. C. 1955. Indonesian In Trade and Society. The Hague: W. Van Hoevei.

Loeb M.E. 1972. Sumateras Its History & People. Kuala Lumpur/Singapore: Oxford University Press.

Maraden. 1962. The History of Sumatera. Kuala Lumpur: Oxford University Press.

Mochtar Naim. 1984. Merantau Pola Migrasi Suku Minangkabau. Yogyakarta: Gadjah Mada University Press.

Mohd Dahlan Mansoer. ed al . 1970. Sedjarah Minangkabau. Jakarta: Penerbitan Bhrata.

Muhammad Radjab. 1954. Perang Padri Di Sumatera Barat (1803-1838). Jakarta: Perpustakaan Kementerian Kem P.P.

_____. 1974. Semasa Ketcil Di Kampung. Jakarta: Balai Pustaka.

Nalters. O.W.1970. The Fall of Srivijaya In Malay History. Ithaca: Cornell University Press.

Najeeb Saleeby. 1908. The History of Sulu. Manila: Bureau of Printing.

N. St. Iskandar.1966. Pengalaman Masa Ketcil. Djakarta: Balai Pustaka.

Pires Tom. 1944. Suma Oriental, tr. and ed. by Armando Cortesao. London:Hakklyut Society.

Purwadarminata. 1966. Kamus Umum Bahasa Indonesia. Djakarta: Balai Pustaka.

Sartono Kartodijo. 1975. Sejarah Nasional Indonesia. Jakarta: Jabatan Pendidikan & Kebudayaan.

Schrieke B. 1955. The Causes and Effects of Comunism On The West Coast of Sumatra. Dlm Sociological Studies. The Hague: W. Van Hoeve.

Sihorbing, H. 1958. Pembinaan Hukum Waris dan Hukum Tanah Di Minangkabau. Dlm Mochtar Naim (ed), Menggali Hukum Tanah dan Hukum Waris Minangkabau. Padang: CMS.

Teuku Iskandar. 1970. Kamus Dewan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Tate DJM. 1971. The Making of Modern South East Asia. Kuala Lumpur: Oxford University Press.

Winstedt R.O. 1960. Kamus Bahasa Melayu, Singapore.

Wilkinson. 1971. Papers On Malay Subjects. Kuala Lumpur: Oxford University Press.

Tesis

Abdullah Taufik. 1969. Minangkabau 1900-1927. Preliminary Studies In Social Development. M. A. Thesis. University of Cornell

Tunku Shamsul Bahrin. 1964. The Indonesia In Malaya. M.A. Thesis. University of Shellfield.

Laporan

Del Tufo. 1949. A Report On The 1947. Census of Population. London. The Government Printer.

Journal

A.B. Ramsey. 1954. The Indonesia in Malaya. Dlm JMBRASS, Volium XXIX, Part 1

Khoo Kay Kim. 1972. Sejarah Tempatan. Penjelidik. Jil 11. Bil 1.

Mochtar Naim. Jun 1973. Perkembangan Kota-kota di Sumatera Barat. Prisma II. No. 3.

Winstedt R. O. May 1955. An Old Minangkabau Legal Digest From Perak. Dlm JMBRASS. Volium VIII.

Kertas Kerja

Mohd Dahlan Mansoer. 1974. Minangkabau dan Negeri Sembilan. Tujuan Kajian Sejarah dan Kebudayaan. Dlm Seminar Persejarahan dan Adat Perpatih. Seremban: Majlis Belia dan Sukan Negeri Sembilan.

Akhbar.

Majlis 2 Mac 1944

Bahan Tdak Terbit.

Selangor State Secretariat Files 1945-1946.

Glosari

anak buah	:	anak saudara
Federal	:	Pusat
Kabupaten	:	Istana
Koto	:	Kota
Nagari	:	Negeri
Matrilineal	:	garis keturunan sebelah ibu
Patrilineal	:	dari ayah ke anak
Samende	:	satu ibu

Senarai Responden

Nama : Azwir b. Saini.
Umur : 41 tahun.
Asal : Pariaman, Sumatera Barat.
Pekerjaan : Membuka perniagaan kedai makan.
Status : Berkahwin.
Alamat : 17 A, Tingkat 2,
Pusat Bandar, Taman Keramat,
Ampang, Selangor.
Tarikh temubual : 17. 4 .1996.

Nama : Abdul Ghaffar b. Shafie.
Umur : 64 tahun.
Asal : Bukit Tinggi, Sumatera Barat.
Pekerjaan : Tukang Jahit.
Status : Berkahwin.
Alamat : 46, Lorong Keramat Dalam 7,
Pasar Datuk Keramat,
54000 Kuala Lumpur.
Tarikh temubual : 15.4.1996

Nama : Andi Kurniawan b. Shamsul
Umur : 25 tahun.
Asal : Medan, Sumatera.
Pekerjaan : Pembantu kedai.
Status : Bujang.
Alamat : 208, Malay Mension,
Jalan Masjid India,
Kuala Lumpur.

Tarikh temubual : 14.4.1996.

Nama : Bustanil b. Basir.
Asal : Pariaman, Sumatera Barat.
Umur : 33 tahun.
Pekerjaan : Tukang kasut.
Status : Berkahwin.
Alamat : Lorong kiri 19,
No. 468, Kampung Datuk Keramat,
54000 Kuala Lumpur.

Tarikh temubual : 17.4.1996.

Nama : Hassan Basri b. Deraman.
Asal : Pariaman, Sumatera Barat.
Umur : 48 tahun.
Pekerjaan : Tukang kasut.
Status : Berkahwin.
Alamat : Jalan 20A, No. 20,
Selayang Baru,
Selangor.

Tarikh temubual : 17.4.1996.

Nama : Nurdin b. Borhan.
Asal : Pariaman, Sumatera Barat.
Umur : 40 tahun.
Pekerjaan : Membuka perniagaan kedai jahit.
Status : Berkahwin.
Alamat : Lot 55422, Kampung Padang Balang,
Sentul, Selangor.

Tarikh temubual : 13.4.1996.

Nama : Khuzaimah bt. Khatib.
Asal : Pariaman, Sumatera Barat.
Umur : 41 tahun.
Pekerjaan : Tukang masak.
Status : Berkahwin.
Alamat : 17 A, Pusat Bandar,
Taman Keramat, Ampang,
Selangor.

Tarikh temubual : 17.4.1996.

Nama : Mardjohan b. Mohd Shariff.
Asal : Bukit Tinggi, Sumatera Barat.
Umur : 67 tahun.
Pekerjaan : Membuka perniagaan kedai jahit.
Status : Duda.
Alamat : M.D.Djohan Tailoring,
No. 633, Lorong Keramat 6,
Pasar Datuk Keramat,
54000 Kuala Lumpur.

Tarikh temubual : 14.4.1996.

Nama : Mohd Anuar b. Haji Shulan.
Asal : Padang, Sumatera.
Umur : 30 tahun.
Pekerjaan : Membuka perniagaan pertukangan emas.
Status : Berkahwin.
Alamat : No.645, Lorong Keramat 6,
Pasar Datuk Keramat,
54000 Kuala Lumpur.

Tarikh temubual : 17.4.1996.

Nama : Mohd Nor b. Jelahab.
Asal : Bukit Tinggi, Sumatera Barat.
Umur : 66 tahun.
Pekerjaan : Membuka perniagaan kedai jahit dan songkok.
Status : Berkahwin.
Alamat : No.16, Lorong Raja Bot,
Kampung Baru,
50300 Kuala Lumpur.
Tarikh temubual : 13.4.1996.

Nama : Mohd Zubir Minang.
Asal : Pariaman, Sumatera Barat.
Umur : 58 tahun.
Pekerjaan : Membuka perniagaan kedai jahit.
Status : Berkahwin.
Alamat : 245, Lorong Keramat Dalam 7,
Datuk Keramat,
54000 Kuala Lumpur.
Tarikh temubual : 17.4, 1996

Nama : Sukadi b. Sukan.
Asal : Pariaman, Sumatera Barat
Umur : 30 tahun.
Pekerjaan : Tukang jahit.
Status : Berkahwin.
Alamat : Tanjung Tailoring,
16, Pusat Bandar,
Taman Keramat, Ampang,
Selangor.
Tarikh temubual : 17. 4. 1996.

Nama : John Ariff b. Hussein.
Asal : Bukit Tinggi, Sumatera Barat.
Umur : 24 tahun.
Pekerjaan : Pembantu kedai.
Status : Bujang.
Alamat : 209K2, Jalan Hamzah,
Kampung Baru,
50300 Kuala Lumpur.

Tarikh temubual : 14.4.1996.

Nama : Zuikhairi b. Mohd Zubir.
Asal : Padang, Sumatera.
Umur : 25 tahun.
Pekerjaan : Membantu perniagaan ayah dan sebagai tukang jahit.
Status : Bujang.
Alamat : 245, Lorong Keramat Dalam 7,
Datuk Keramat, 54000 Kuala Lumpur.

Tarikh temubual : 17.4.1996.

Nama : Mazwar b. Abu Haq.
Asal : Pariaman, Sumatera Barat.
Umur : 25 tahun.
Pekerjaan : Pembantu kedai.
Status : Bujang.
Alamat : No. 33, Aked Chow Kit,
Kuala Lumpur.

Tarikh temubual : 16.4.1996.